

PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG KAWALAN DISIPLIN MURID DI MALAYSIA

(Regulations and Law on Governing Students Discipline in Malaysia)

*Nasrul Hisyam Nor Muhamad¹, Zarina A Rashid²

¹Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

²Sekolah Kebangsaan Senai
Pekan Senai, 81400, Senai, Johor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nasrul@utm.my

Article History:

Submit: 6 February 2017

Accepted: 7 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 1 (2017), 1-11

Abstrak

Disiplin adalah penting bagi memastikan murid berada dalam situasi yang kondusif untuk pembelajaran mereka. Guru bertanggungjawab untuk memastikan disiplin murid dalam keadaan terkawal. Artikel ini menjelaskan mengenai peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam aspek kawalan disiplin murid di sekolah. Selain itu, dijelaskan juga mengenai kaitan peraturan tersebut dengan tugas guru dalam mengawal disiplin murid. Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan. Penulis mendapati bahawa peraturan dan undang-undang yang ada bagi kawalan disiplin murid sudah memadai. Cuma, yang perlu ditekankan pada masa kini sejauh mana peraturan itu dilaksanakan secara berkesan.

Kata Kunci: Undang-undang Malaysia, Undang-undang Pendidikan, Disiplin Murid.

Abstract

Discipline is an important aspect to ensure that students are in a good situation for their learning. Teachers are responsible for ensuring that the discipline of students in controlled conditions. This article describes the rules and laws that have been regulated by the Ministry of Education Malaysia in governing student's discipline in the school. It also explained about the relationship between the regulations and the teacher's responsibilities in governing the student's discipline. This study employs qualitative methodology through document analysis. The authors found that the current rules and laws to govern the students discipline are adequate. Simply, it must be emphasized now is how such regulations are effectively implemented.

Keywords: Malaysian Law, Education Law, Student's Discipline.

1.0 PENGENALAN

Umum mengakui bahawa mendidik adalah merupakan tugas yang mulia dan seorang pendidik seharusnya dihormati dan disanjung masyarakat. Ordinan Pendaftaran Guru-guru 1957 mentakrifkan guru sebagai seseorang yang mengajar murid-murid di sesebuah sekolah atau menyediakan bahan-bahan pengajaran atau yang memeriksa kertas-kertas jawapan di sekolah dan juga seseorang yang mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh pihak kerajaan. Mengikut Akta Pendidikan 1996, guru membawa maksud seseorang yang mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan atau menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan (James Ang Jit Eng, 2011).

Guru adalah orang bertanggungjawab melaksanakan sistem pendidikan di sekolah. Pendidikan berfungsi untuk menyalurkan maklumat, pengetahuan atau perspektif atau sudut pandangan ilmiah dalam bidang ilmu atau subjek tertentu. Selain itu, fungsi pendidikan juga untuk membentuk kanak-kanak dan dewasa untuk menjadi warganegara yang baik dan berguna (Robiah Sidin, 1998; Ibrahim Mamat, 1998).

Antara tugas penting seorang guru ialah memastikan murid-murid mematuhi peraturan disiplin yang ditetapkan. Tanggungjawab guru terhadap disiplin murid ini jelas disebut dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 yang menyatakan bahawa tugas mendisiplinkan murid bukan sahaja terletak di bahu guru besar sahaja, bahkan ia juga menjadi tugas semua guru.

2.0 PERATURAN BERKAITAN DISIPLIN MURID

Secara umumnya, konsep disiplin merangkumi latihan membentuk, membetul, ataupun melengkapkan suatu sistem peraturan berkenaan tingkah laku mengikut peraturan-peraturan yang diwujudkan. Menurutny lagi, pada peringkat sekolah, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas murid-murid dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran (Mohd. Ismail Othman, 2008).

Dalam konteks di Malaysia, undang-undang dan peraturan disiplin yang dipraktikkan di sekolah-sekolah di Malaysia adalah berdasarkan kepada tiga rujukan utama, iaitu (James Ang Jit Eng, 2011):

- a) Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, iaitu peraturan yang dibuat berdasarkan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 116, Ordinan Pelajaran 1957.
- b) Buku-buku panduan pengurusan disiplin yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- c) Surat-surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara berkala

Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 (selepas ini disebut Peraturan 1959) merupakan peraturan induk pengurusan disiplin di sekolah-sekolah seluruh Malaysia melainkan sekolah yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah seksyen 114(2) Ordinan Pelajaran 1957, dan sekolah gaya pos (Peraturan 1). Menurut James Ang Jit Eng (2011), antara perkara utama yang diperuntukkan dalam Peraturan 1959 ialah seperti berikut:

- a) Guru besar sebagai adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah (Peraturan 4)
- b) Perwakilan kuasa oleh guru besar kepada guru lain dalam tindakan disiplin (Peraturan 6)
- c) Tatacara hukuman rotan (Peraturan 5)
- d) Kuasa guru besar dalam menggantung persekolahan atau membuang sekolah terhadap murid atas kesalahan disiplin (Peraturan 8, 11, dan 12)

Sementara itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan buku-buku panduan bagi memberi garis panduan dalam menguruskan disiplin di sekolah, sebagai menghuraikan Peraturan 1959 dalam bentuk operasi. Buku-buku ini diterbitkan dan diedarkan ke sekolah-sekolah untuk panduan pentadbir sekolah, guru-guru, murid-murid, malah ada yang dikhususkan untuk ibu bapa. Buku yang telah diterbitkan untuk tujuan ini ialah sebagaimana berikut (James Ang Jit Eng, 2011):

- a) Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah (1981)
- b) Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid Sekolah (1982)
- c) Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru (1983)
- d) Panduan Disiplin untuk Pelajar-pelajar (1988)
- e) Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng (1994)
- f) Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah (2005)

Selain Peraturan 1959 dan buku-buku panduan, Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengeluarkan pekeliling-pekeliling dari masa ke semasa bagi memberi panduan kepada pentadbir sekolah menangani masalah disiplin di sekolah, antaranya sebagaimana dalam Jadual 1 di bawah (Mohd. Ismail Othman, 2008):

Jadual 1 Senarai Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia

Bil.	Nama Pekeliling Ikhtisas	Tarikh Dikeluarkan
1	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1968: Pembuangan Murid-murid daripada Sekolah-sekolah kerana Kelakuan Curang	10 September 1968
2	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1968: Tatatertib di Sekolah-sekolah	18 September 1968
3	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972: Peraturan-peraturan tatatertib Sekolah Pelajaran, 1959	4 Februari 1972
4	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975: Disiplin: Murid-murid Menghisap Rokok	5 September 1975
5	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1975: Salah Guna Dadah - Garis Panduan Untuk Guru Panduan dan Guru Besar	19 Ogos 1975
6	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah – Peraturan-peraturan Sekolah Untuk Murid-murid	4 November 1975
7	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Perkara-perkara Tatatertib yang Dianggap Berat	4 November 1975

8	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1976: Pameran/Ceramah Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Sekolah-sekolah	5 Januari 1976
9	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976: Potongan Rambut Murid-murid	7 Januari 1976
10	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976: Mengharamkan Semua Jenis Permainan Judi di Sekolah-Sekolah	9 Oktober 1976
11	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979: Laporan murid-murid dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah yang Memerlukan Pertolongan	26 Mac 1979
12	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983: Garis Panduan Kempen Anti Merokok Di Sekolah-sekolah	25 Februari 1983
13	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid Yang Melakukan Perbuatan Salahlaku Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran	7 November 1983
14	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986: Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Sekolah	1 Ogos 1986
15	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1986: Penyalahgunaan Inhalan	29 Disember 1986
16	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan kepada Polis Salah Laku yang Berbentuk Jenayah	15 Februari 1993
17	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng di Sekolah	5 September 1995
18	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman terhadap Pelajar-pelajar Sekolah	5 September 1995
19	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah	3 September 1996
20	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1997: Hukuman ke atas Murid Menghisap Rokok	22 Mei 1997
21	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1997: Sekolah sebagai Kawasan Larangan Merokok	22 Mei 1997
22	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/1998: Menangani Kegiatan Gengster di Sekolah	6 Ogos 1998
23	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/1998: Penggunaan Budi Bicara ketika Mengambil Tindakan	2 September 1998
24	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster	14 Mac 2000
25	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2000: Membenters Jenayah di Kalangan Murid Sekolah	5 Julai 2000
26	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah	19 Julai 2001
27	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2001: Peringatan Mengenai Pengaruh Negarif Cybercafe dan Pusat Permainan Video Terhadap Murid-Murid Sekolah	6 Jun 2001
28	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2001: Penglibatan Pelajar Dengan Kegiatan Negatif	23 Julai 2001
29	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin	24 September 2001
30	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2002: Pelaksanaan Program Sekolah Selamat	14 Jun 2002
31	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid	29 Oktober 2003
32	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2003: Penggunaan Buku Log Bagi Memantau Laku Musnah (Vandalisme) Dalam Kalangan Murid-murid Sekolah	29 Oktober 2003
33	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2004: Memperkasakan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah	11 Mac 2004
34	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah	23 Disember 2005
35	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2006: Pembatalan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah Bertarikh 23 Disember 2005	20 Januari 2006
36	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2006: Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di Semua Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan	30 Mei 2006
37	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2009: Penguatkuasaan Larangan Membawa dan Menggunakan Telefon Bimbit oleh Murid di Sekolah	25 Mac 2009
38	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2010: Pelaksanaan Ujian Urin Murid Sekolah	8 Februari 2010
39	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah	29 Julai 2010
40	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2011: Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian Steel Bangle (KARA) oleh Murid-Murid Keturunan Sikh	27 April 2011
41	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2011: Pelaksanaan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid	Jun 2011

Sumber: Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

3.0 DISIPLIN SEBAGAI SATU BIDANG TUGAS GURU MENGIKUT UNDANG-UNDANG

Guru memainkan peranan penting dalam mendisiplinkan murid memandangkan guru adalah orang yang paling rapat dan menjadi perantaraan langsung antara murid dengan kehendak sekolah dan sistem pendidikan. Oleh itu, seharusnya pelaksanaan disiplin sekolah adalah tanggungjawab dan tugas hakiki semua guru dan bukannya diserahkan sebulat-bulatnya pada guru besar atau guru disiplin untuk menguruskannya (James Ang Jit Eng, 2011).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kalaichalvi Patchaippan (2012), selain daripada mengajar guru berperanan dalam melaksanakan disiplin di sekolah dengan cara mengawas disiplin dalam bilik darjah, persekitaran sekolah dan di dalam kegiatan-kegiatan di luar sekolah. Dalam hal ini, guru mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada guru besar dalam menangani masalah disiplin sekolah. Selain itu, guru juga boleh menjalankan hukuman disiplin sekiranya menerima arahan daripada guru besar secara nyata mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Walau bagaimanapun, guru-guru mestilah diberi panduan dan tunjuk ajar tentang perkara sebegini kerana tidak semua guru mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mendisiplinkan murid khususnya guru-guru baru. Sewajarnya, guru-guru diberi pendedahan dan penekanan dari aspek pengurusan disiplin murid sewaktu di universiti ataupun di maktab supaya persediaan awal dapat diambil. Selain itu, undang-undang pendidikan yang mengikat guru juga seharusnya diberi pendedahan awal kepada bakal-bakal guru supaya kecuaiian atau penyalahgunaan kuasa sewaktu menjalankan tugas mereka sebagai pendidik tidak akan berlaku. Ini kerana di sekolah, murid bukan sahaja kerap melawan tetapi juga keras kepala dan membantah kuasa sekolah kerana mereka tahu mereka mendapat sokongan ibu bapa yang terlalu melindungi mereka. Kanak-kanak yang datang daripada keluarga yang bermasalah terutamanya, di mana mereka kekurangan kasih sayang dan perhatian ibu bapa, akan menambah kepada masalah tatatertib di sekolah (Ibrahim Saad, 1986).

Menurut Ibrahim Saad (1986), kebanyakan ibu bapa yang kaya dan berada sangat memanjakan anak-anak mereka serta melimpahkan segala kemewahan kepada mereka. Oleh kerana terlalu dimanjakan dan mendapat apa sahaja yang mereka inginkan di rumah, sifat ini akan terbawa-bawa sehingga ke sekolah. Kadangkala didikan yang sebeginilah yang menyebabkan murid-murid bukan sahaja kerap melawan guru di sekolah malah mereka menjadi keras kepala dan suka membantah kuasa sekolah kerana mereka tahu mereka bahawa mereka akan mendapat sokongan ibu bapa yang terlalu melindungi mereka.

Dalam pengurusan disiplin di sekolah, pendekatan ataupun alat yang digunakan untuk memberi peringatan dan pengajaran kepada murid adalah dengan suatu tindakan mengenakan hukuman. Ini adalah untuk memberi kesedaran kepada murid tentang tindakan salah laku mereka yang tidak berpatutan supaya mereka tidak mengulangnya lagi. Logiknya, apabila suatu hukuman dikenakan kepada seorang murid, sepatutnya ia boleh mengubah tingkah laku mereka daripada negatif kepada positif. Tindakan yang diambil oleh guru mestilah tidak mengikut emosi, personal, dendam ataupun sengaja dengan tujuan mahu mengenakan murid tanpa sebab yang munasabah.

Oleh itu, wajarlah seseorang guru itu memahami peraturan-peraturan dalam memberi hukuman kepada murid. Jika dilihat pada hari ini, kebanyakan guru-guru baru terutamanya kurang berkemahiran mengatasi masalah tingkah laku nakal murid-murid di dalam kelas. Lebih teruk lagi, ada sebilangan guru yang hilang sabar dengan kenakalan murid-murid menyebabkan guru tersebut mengenakan denda yang tidak sewajarnya ke atas murid. Ini secara tidak langsung mendedahkan guru tersebut kepada tindakan undang-undang. Jika para bakal pendidik didedahkan dengan kemahiran menguruskan disiplin murid-murid serta peruntukan undang-undang yang mengikat tindak tanduk guru pasti perkara sebegini dapat dielakkan. Jika guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar bertahun-tahun lamanya masih lagi boleh didakwa di mahkamah atas tindakan salah laku ke atas murid apatah lagi guru-guru baru yang baru bertatih ke dunia pendidikan yang masih belum mengerti undang-undang dalam pendidikan.

4.0 KUASA GURU YANG DIPERUNTUKKAN OLEH UNDANG-UNDANG

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa guru besar atau Pengetua adalah orang yang bertanggungjawab penuh dalam melaksanakan hukuman terhadap murid. Walau bagaimanapun, kuasa menghukum murid dengan tujuan untuk memberi pengajaran boleh diturunkan kepada guru-guru lain yang berdaftar dan guru yang dipertanggungjawabkan mestilah mengetahui tatacara yang telah ditetapkan dan surat penurunan kuasa juga hendaklah dikeluarkan kepada guru tersebut. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, di bawah Ordinan Pelajaran 1957. Peraturan 5 di bawah ordinan yang sama telah memperuntukkan bahawa untuk tujuan menjaga disiplin dalam kalangan murid-murid, guru besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat.

Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 juga memperuntukkan prosedur yang perlu dipatuhi bagi menjalankan hukuman rotan. Intipati peraturan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Murid perempuan adalah dikecualikan daripada hukuman rotan
- b) Hukuman rotan ke atas murid-murid lelaki hendaklah menggunakan rotan yang ringan dikenakan sama ada di tapak tangan atau punggung yang berlapis dengan pakaian
- c) Hanya guru besar atau guru yang diberikan kuasa sahaja yang boleh melakukannya.
- d) Semua hukuman yang dijalankan hendaklah direkodkan dengan menyatakan jenis salah laku, bilangan sebatan, bahagian anggota yang dirotan, nama dan tandatangan perotan dan saksi semasa hukuman rotan dilaksanakan. Kemudian, rekod tersebut akan disimpan secara sulit mengikut bentuk yang diluluskan oleh pendaftar.
- e) Guru yang dipertanggungjawab melaksanakan hukuman rotan bukanlah melakukan berdasarkan perasaan dendam atau marah kepada murid tetapi ia adalah sebahagian daripada proses mendidik. Tindakan yang dikenakan terhadap murid seharusnya difahami oleh semua pihak iaitu sebagai alat untuk mendisiplinkan murid bukannya sebagai alat untuk mencederakan fizikal dan mental murid.
- f) Hukuman rotan di khalayak ramai sama ada di tapak perhimpunan atau di tempat berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran adalah tidak dibenarkan sama sekali. Tindakan ini boleh menjatuhkan maruah dan memberi impak negatif yang lebih besar terhadap keperibadian murid.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan dua surat Pekeliling Ikhtisas bagi memperingatkan guru daripada berkenaan hukuman ke atas salah laku murid yang tidak dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah 1959. Surat pekeling tersebut adalah:

- a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983 yang bertajuk Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid yang Melakukan Perbuatan Salahlaku yang Tidak Dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran bertarikh 7 November 1983 (Bahagian Sekolah KPM, 1983). Dalam surat pekeling tersebut, dijelaskan bahawa guru besar diberikan kuasa bagi menjalankan hukuman ke atas murid yang melakukan kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah 1959 seperti membuat bising dalam darjah, tidak memberi perhatian sewaktu guru mengajar, berkeliaran, dan berbagai lagi perbuatan yang tidak diinginkan. Hal ini adalah bagi mengawal disiplin atau ketenteraman sekolah. Berikutan hukuman yang diambil oleh guru terhadap kesalahan-kesalahan tersebut sering kali diadukan kepada pihak Kementerian, maka guru diperingatkan agar menjauhi daripada mengambil tindakan menghukum seperti mengetuk atau menyekel kepala murid, menampar, mencubit hingga lebam, memulas telinga, mengenjut beberapa kali yang tidak berpatutan sambil memegang telinga, mencela, mendera seperti berlari keliling padang, menjemur atau menghukum murid secara kumpulan, dan seumpamanya. Kementerian Pendidikan Malaysia mengingatkan bahawa tindakan menghukum seperti ini adalah tidak sesuai dilakukan kerana ia boleh membawa implikasi yang tidak diinginkan. Diingatkan juga bahawa hukuman yang hendak dikenakan kepada murid mestilah dilakukan secara adil, setimpal pula dengan kesalahan tersebut serta bersifat mendidik.
- b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995 yang bertajuk Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman terhadap Pelajar-pelajar Sekolah yang bertarikh 5 September 1995 (Bahagian Sekolah KPM, 1995). Surat pekeling tersebut juga memberi peringatan mengenai tindakan dan hukuman yang keterlaluan dikenakan oleh pihak sekolah sama ada pengetua, guru besar atau guru ke atas murid, misalnya jemur di tengah panas, ketuk ketampi yang menyebabkan pengan, mencubit hingga berdarah, merotan hingga mencederakan, berlari dengan memakai seluar dalam dan menyuruh murid berbuat sesuatu yang tidak berperikemanusiaan. Kementerian Pendidikan Malaysia mengingatkan agar pihak sekolah mengelak dan hindarkan diri daripada nafsu marah dan membuat kesimpulan terburu-buru tanpa menyiasat terlebih dahulu. Hukuman yang pada hemat orang ramai tidak sesuai seperti berbentuk penyeksaan, cacian di depan khalayak ramai yang memberi kesan emosi atau lain-lain hukuman liar serta tidak berperikemanusiaan hendaklah dielakkan.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995 sepertimana yang diterangkan di atas adalah dikeluarkan sebelum adanya klasifikasi kesalahan disiplin kepada tiga, iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana, dan kesalahan ringan. Klasifikasi kesalahan tersebut hanya

dikeluarkan pada 29 Oktober 2003 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 mengenai Kuasa Guru Merotan Murid.

Sebelum tahun 2003, tiada ketetapan khusus mengenai kategori kesalahan disiplin secara detil. Cuma, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1975 ada menyenaraikan 17 perkara yang dinamakan sebagai Perkara-perkara Tata tertib yang Dianggap Berat dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid bertarikh 4 November 1975. Dalam pekeling tersebut, tidak disenaraikan bentuk-bentuk kesalahan dalam kategori sederhana dan ringan. Oleh kerana itu, pihak sekolah diberikan kuasa untuk menentukan sendiri bentuk-bentuk kesalahan dalam kategori-kategori tersebut.

Dengan demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 mengenai Kuasa Guru Merotan Murid telah mengemaskini senarai dan kategori kesalahan disiplin murid di sekolah mengikut kategori berat, sederhana, dan ringan. Berdasarkan pekeling tersebut, senarai kesalahan berat adalah seperti berikut:

- a) Melakukan mana-mana kesalahan sederhana kali ketiga.
- b) Menyimpan, membawa, mengedar, menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah.
- c) Membawa, menyimpan, menghisap atau mengedar bahan tembakau.
- d) Membawa, meminum, menyimpan atau mengedar minuman keras atau sebarang benda yang memabukkan atau mengkhayalkan.
- e) Menyebabkan atau melakukan pergaduhan atau kekerasan.
- f) Melawan, mengancam, memukul, mengugut atau mencederakan guru/ pengawas murid.
- g) Biadab terhadap guru, pengawas atau murid.
- h) Memeras ugut guru, pengawas atau murid.
- i) Membawa atau menggunakan senjata atau alat berbahaya.
- j) Melakukan buli, penderaan atau paksaan terhadap murid lain.
- k) Mencuri, merompak, memecah masuk dan mencero boh kawasan larangan.
- l) Melakukan perjudian atau membabitkan diri dalam pertaruhan.
- m) Mencetak, menerbit, mempamer, mengedar atau menyimpan rencana, majalah atau rakaman dan multimedia terlarang.
- n) Membabitkan diri dalam kumpulan haram.
- o) Mencabul kehormatan guru atau murid.
- p) Melakukan zina, liwat, hubungan luar tabii.
- q) Melacur atau menjadi bohsia, bohjan atau pondan.
- r) Bersekududukan atau membabitkan diri dalam kegiatan tidak bermoral.
- s) Mengintai murid lelaki atau perempuan.
- t) Menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar yang mencemarkan.
- u) Merosakkan harta benda sekolah atau guru.
- v) Membawa atau menggunakan bahan letupan.
- w) Menulis atau melukis perkataan atau gambar lucu atau melakukan perbuatan lucu.
- x) Membabitkan diri dalam tunjuk perasaan, perhimpunan haram atau merusuh.
- y) Menyalahgunakan alat permainan elektronik atau bahan-bahan multimedia.
- z) Membawa atau menggunakan alat yang menyebabkan kecederaan atau mengganggu pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan atau ujian.
- aa) Menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan yang bertentangan dengan masyarakat Malaysia.
- bb) Menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- cc) Melakukan ponteng sekolah berterusan (berturut-turut) selama 30 hari atau berkala (tidak berturut-turut) selama 60 hari selama satu tahun sesi persekolahan.
- dd) Mengganggu, menjejaskan kuasa guru besar, pengetua atau guru yang menjalankan tugas.
- ee) Membawa masuk tetamu dari luar ke kawasan sekolah tanpa kebenaran.
- ff) Mengedar, memiliki, membawa, melukis dan mempamerkan bahan lucu.
- gg) Mengeluarkan kata-kata lucu dan kesat.
- hh) Melakukan hubungan yang dicurigai.
- ii) Kesalahan-kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini.
- jj) Seterusnya, bagi kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan sederhana adalah seperti berikut:
 - i. Melakukan mana-mana kesalahan ringan melebihi 3 kali.
 - ii. Menyalahgunakan, menggunakan peralatan, sumber bekalan elektrik sekolah tanpa kebenaran.

- iii. Keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran.
- iv. Tidak amanah, menipu, berbohong dan meniru ketika ujian peperiksaan.
- v. Ponteng sebarang acara rasmi sekolah.
- vi. Tidak menghormati lagu-lagu, bendera, jata sekolah, negeri, dan kebangsaan.
- vii. Fesyen rambut keterlaluan seperti punk, skin head atau berwarna.
- viii. Menconteng pada harta benda sekolah.
- ix. Memakai barang kemas keterlaluan, seperti menindik telinga dan memakai subang berlebihan pada satu cuping telinga.
- x. Kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini.

Manakala kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan ringan pula adalah seperti berikut:

- a) Menyimpan misai, janggut atau jambang.
- b) Berambut panjang atau menyerupai kumpulan tertentu.
- c) Bermain dalam bilik darjah, koridor atau kawasan yang dilarang.
- d) Menggunakan dan membawa keluar sebarang peralatan bilik darjah dan sekolah tanpa kebenaran.
- e) Keluar dari bilik darjah tanpa kebenaran.
- f) Berada di kantin pada waktu persekolahan (kecuali waktu rehat) tanpa kebenaran.
- g) Menyimpan atau menggunakan alat permainan kepunyaan sekolah tanpa kebenaran.
- h) Menggunakan alat hiburan atau elektronik sekolah tanpa kebenaran.
- i) Memasuki atau tidak mematuhi arahan makmal, bengkel atau bilik khas.
- j) Memakai barang kemas atau perhiasan atau alat solek kecuali jam.
- k) Memasuki bilik khas tanpa kebenaran.
- l) Makan dan minum di bilik darjah.
- m) Melakukan pembaziran air atau elektrik.
- n) Tidak memakai pakaian sekolah yang lengkap.
- o) Semua kesalahan bersabit dengan pembelajaran (tidak membawa buku, tidak membuat kerja rumah, tidak memberi perhatian dan lain-lain).
- p) Datang lewat ke sekolah.
- q) Lewat bergerak ke perhimpunan, bengkel atau makmal.
- r) Bisik dalam bilik darjah sehingga mengganggu kelas lain.
- s) Menunggang atau memandu kenderaan dalam kawasan sekolah.
- t) Berjalan-jalan tanpa kebenaran.
- u) Tidak membuat gerak kerja yang ditugaskan.
- v) Mengganggu kawasan.
- w) Mengganggu guru.
- x) Lewat masuk kelas.
- y) Mengotorkan kelas.
- z) Tidak duduk setempat.
- aa) Kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini.

Selain menyenaraikan jenis-jenis kesalahan disiplin, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 juga memperuntukkan hukuman bagi tiga kesalahan tersebut seperti dalam Jadual:

Jadual 2 Hukuman yang Boleh Dikenakan Mengikut Jenis Kesalahan

Bil.	Jenis Kesalahan	Jenis Hukuman
1	Kesalahan berat	Rotan di punggung dengan dilapik pakaian dengan menggunakan rotan ringan (maksimum 3 kali sebatan)
2	Kesalahan sederhana	Rotan di tapak tangan dengan menggunakan rotan ringan (maksimum 3 kali sebatan)
3	Kesalahan ringan	Diberi amaran dan sesi kaunseling

Sumber: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003

Dengan adanya penentuan dan had hukuman disiplin yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 tersebut, maka pihak berkuasa sekolah tidak boleh menjatuhkan hukuman yang melebihi daripada apa yang diperuntukkan di atas.

5.0 KESAN TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM MENGAMBIL TINDAKAN DISIPLIN

Guru besar atau pengetua sekolah perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam menguatkuasakan kuasa disiplin di sekolah kerana murid-murid juga mempunyai hak-hak mereka. Pelaksanaan kuasa disiplin berdasarkan undang-undang dapat memastikan para pendidik sentiasa dilindungi dan dipertahankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sekiranya mereka didakwa di mahkamah oleh pihak-pihak tertentu. Menurutny lagi, dalam pelaksanaan disiplin, pihak berkuasa disiplin perlu mengamalkan keadilan. Mengikut peraturan, seseorang itu mungkin tidak akan diadili berasaskan kepada sebab dan dia juga tidak boleh dihukum tanpa belaan dirinya (James Ang Jit Eng, 2011).

Pelbagai masalah yang akan timbul kepada sekolah mahupun para pendidik seandainya undang-undang pendidikan tidak dipatuhi sewajarnya. Salah satu tindakan yang akan dikenakan kepada guru-guru yang menyalahi undang-undang dalam menangani masalah disiplin murid adalah dikenakan undang-undang tort.

Tort adalah salah satu cabang undang-undang sivil yang mana menetapkan boleh diambil tindakan undang-undang ke atas orang yang melakukan perbuatan ataupun kecuaiian bagi mendapatkan ganti rugi dan tidak tertentu jumlahnya. Tort merangkumi soal tuntutan dan dakwaan berkaitan kerugian, kecederaan dan kesakitan. Undang-undang tort berperanan menentukan soal-soal liabiliti dan ganti rugi yang dituntut dalam kesalahan sivil. Menurutny lagi, dalam pendidikan, kecuaiian guru juga termasuk dalam tindakan undang-undang yang boleh didakwa di mahkamah. Kecuaiian guru berpunca daripada konsep tanggungjawab berjaga-jaga dari segi undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada guru yang kebiasaannya dikaitkan dengan kemalangan atau kecederaan fizikal yang menimpa murid-murid (Mohd. Ismail Othman, 2008).

Apabila seseorang pendidik gagal mematuhi kewajipan berjaga-jaga semasa melaksanakan tugasnya, maka dia boleh dianggap sudah memungkirkan kewajibannya dan dia boleh didakwa di bawah undang-undang Tort. Seseorang murid, ibu bapa, waris atau wakilnya boleh mengambil tindakan tuntutan ganti rugi terhadap guru berdasarkan beberapa elemen yang boleh dibuktikan seperti kewajipan berjaga-jaga yang tidak diamalkan, kewajipan telah dimungkirkan, kecuaiian defenden dan plaitif mengalami kecederaan (Tie Fatt Hee, 2002; James Ang Jit Eng, 2011).

Ramai dalam kalangan pentadbir dan guru-guru yang beranggapan mereka berhak menjatuhkan hukuman-hukuman lain yang dianggap tidak ekstrem seperti mencubit, menjentik, memulas telinga, melakukan ketuk ketampi dan sebagainya. Pada anggapan guru, denda sebegini adalah ringan dan hanya sebagai pengajaran kepada murid sahaja bukan bermaksud untuk menyeksa murid tersebut. Tetapi, anggapan ini adalah meleset sama sekali kerana denda sebegini juga boleh menyebabkan timbulnya insiden-insiden seperti yang dilaporkan dalam media massa (James Ang Jit Eng, 2011).

Oleh itu, guru-guru perlu diberi kesedaran selain daripada hukuman-hukuman yang dibenarkan oleh Pekeliling adalah dilarang untuk guru-guru mengambil tindakan sendiri. Pengetua atau guru besar pasti akan menghadapi banyak masalah jika tindakan yang dikenakan ke atas murid tidak bertepatan dengan prosedur atau peraturan yang telah ditetapkan. Dengan demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan buku-buku panduan, surat-surat pekeling ikhtisas dari semasa ke semasa bagi membantu pihak sekolah melaksanakan tugas dengan lebih teratur terutama apabila berhadapan dengan kes-kes disiplin. Adalah menjadi tanggungjawab pengetua dan guru besar sekolah untuk menyebarkan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh kementerian kepada warga sekolahnya (Mohd. Ismail Othman, 2008).

Secara realitinya, zaman sekarang tidak sama dengan zaman dahulu walaupun hukuman yang dikenakan oleh guru-guru ke atas murid pada zaman dahulu jauh lebih teruk dengan sekarang. Guru-guru pada zaman dahulu bukan sahaja suka merotan, malah sering juga menampar, mencubit, memukul murid-murid mereka. Namun, kebanyakan murid-murid masih lagi menghormati bekas guru mereka dan sentiasa merasa terhutang budi disebabkan mereka berasa insaf akan tujuan di sebalik pukulan rotan yang mereka terima (Radzuan Abdul Kadir, 2003).

Pelbagai masalah akan dihadapi oleh guru besar atau guru-guru sekiranya mereka mengambil tindakan yang terlampau tegas ke atas murid dan di luar batasan yang sepatutnya. Antaranya pelbagai tekanan dan campur tangan daripada pihak luar seperti ibu-bapa, persatuan ibu bapa dan guru, parti-parti politik, dan lembaga pengurus sekolah terutama apabila murid terbabit datang daripada keluarga yang berpengaruh. Tiap-tiap orang akan menyalahkan tindakan guru walaupun atas perkara yang kecil. Malah, mereka juga mengingatkan guru-guru secara terbuka supaya tidak merotan murid-murid dan tindakan akan diambil jika guru berbuat demikian (Ibrahim Saad, 1982).

6.0 PENUTUP

Bidang pendidikan merupakan antara bidang yang penting dalam sesebuah negara. Pembangunan pendidikan tidak dapat lari daripada pembangunan murid itu sendiri kerana murid atau murid merupakan subjek sepada pendidikan itu. Dalam hal ini, murid perlu dikawal selia bagi memastikan sahsiah diri mereka tetap dijaga apabila mereka meningkat dewasa. Atas dasar ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan dalam pelbagai bentuk untuk menangani masalah disiplin murid. Oleh kerana itu hal ehwal disiplin mestilah diambil berat oleh pihak sekolah. Penulis mendapati bahawa peraturan dan undang-undang yang ada bagi kawalan disiplin murid sudah memadai. Cuma, yang perlu ditekankan pada masa kini sejauh mana peraturan itu dilaksanakan secara berkesan. Guru sebagai pendidik adalah bertanggungjawab bagi memastikan murid benar-benar mematuhi disiplin. Berdasarkan hakikat ini, guru perlu memahami peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya pelaksanaan disiplin murid dapat mencapai matlamatnya.

7.0 RUJUKAN

- _____ (1981). Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- _____ (1982). Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid Sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- _____ (1983). Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- _____ (1988). Panduan Disiplin untuk Pelajar-pelajar. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- _____ (1994). Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- _____ (2005). Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Ibrahim Mamat (1998). Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepemimpinan. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ibrahim Saad (1986). Pendidikan dan Politik di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James Ang Jit Eng (2011). Pengurusan Disiplin Murid. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kalaichalvi Patchaippan (2012). Pengurusan Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kulajjaya, Johor. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1957). Ordinan Pelajaran 1957
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1957). Ordinan Pendaftaran Guru-guru 1957
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1959). Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1968). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1968: Tatatertib di Sekolah-sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1968). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1968: Pembuangan Murid-murid daripada Sekolah-sekolah kerana Kelakuan Curang
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1972). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972: Peraturan-peraturan tatatertib Sekolah Pelajaran, 1959
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1975). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6A/1975: Disiplin: Murid-murid Menghisap Rokok
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1975). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1975: Salah Guna Dadah - Garis Panduan Untuk Guru Panduan dan Guru Besar
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1975). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah – Peraturan-peraturan Sekolah Untuk Murid-murid
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1975). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Perkara-perkara Tatatertib yang Dianggap Berat
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1976). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1976: Pameran/Ceramah Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Sekolah-sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1976). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/1976: Mengharamkan Semua Jenis Permainan Judi di Sekolah-Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1976). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976: Potongan Rambut Murid-murid

- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1979: Laporan murid-murid dalam Keadaan Risiko Penyalahgunaan Dadah yang Memerlukan Pertolongan
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1983). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1983: Garis Panduan Kempen Anti Merokok Di Sekolah-sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1983). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid Yang Melakukan Perbuatan Salahlaku Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1986). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986: Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1986). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1986: Penyalahgunaan Inhalan
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1993). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan kepada Polis Salah Laku yang Berbentuk Jenayah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1995). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1995). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman terhadap Pelajar-pelajar Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1996). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1997). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1997: Hukuman ke atas Murid Menghisap Rokok
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1997). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1997: Sekolah sebagai Kawasan Larangan Merokok
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/1998: Menangani Kegiatan Gengster di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1998). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/1998: Penggunaan Budi Bicara ketika Mengambil Tindakan
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2000: Membenters Jenayah di Kalangan Murid Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2001: Peringatan Mengenai Pengaruh Negatif Cybercafe dan Pusat Permainan Video Terhadap Murid-Murid Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2001: Penglibatan Pelajar Dengan Kegiatan Negatif
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2002: Pelaksanaan Program Sekolah Selamat
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2003: Penggunaan Buku Log Bagi Memantau Laku Musnah (Vandalisme) Dalam Kalangan Murid-murid Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2004). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2004: Memperkasakan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2006: Pembatalan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 11/2005: Garis Panduan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Murid Sekolah Bertarikh 23 Disember 2005
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2006: Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di Semua Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2009: Penguatkuasaan Larangan Membawa dan Menggunakan Telefon Bimbit oleh Murid di Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2010: Pelaksanaan Ujian Urin Murid Sekolah
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2011: Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian Steel Bangle (KARA) oleh Murid-Murid Keturunan Sikh
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1996). Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- Mohd Ismail Othman (2008). Undang-undang untuk pengetua dan guru besar. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Radzuan Abdul Kadir (2003). Pemikiran Tentang Pendidikan Sepanjang Tiga Dasawarsa (1970-2000): Ke Mana Arah Tujunya?. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin (1998). Pemikiran dalam Pendidikan. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tie Fatt Hee (2002). Undang-undang Pendidikan di Malaysia. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.